

16/04/2004

Syarikat bina jambatan bebas minta pandangan Singapura

PUTRAJAYA: Syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan projek jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, bebas mendapatkan pandangan Singapura berhubung pelaksanaan projek itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata bagaimanapun keputusan akhir reka bentuk jambatan dan cadangan kepada republik itu akan diputuskan kerajaan selepas membuat pertimbangan teliti.

"Walaupun ini adalah projek membabitkan kerajaan dengan kerajaan, tetapi jika syarikat bertanggungjawab membina jabatan itu dapat secara tidak rasmi pandangan pihak Singapura, mereka mungkin mengemukakan kepada kita.

"Tetapi akhirnya kita (kerajaan) akan mencari penyelesaian," katanya di pejabat di Wisma Putra di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada kerajaan sudah menghantar kertas cadangan reka bentuk mengenai pembinaan jabatan bagi menggantikan Tambak Johor untuk pertimbangan kerajaan Singapura.

Malaysia di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir memutuskan meneruskan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor secara bersendirian selepas cadangan negara ditolak republik itu.

Berikutan itu, Malaysia memutuskan membina jambatan yang bengkok 'separuh' bagi menggantikan bahagian tambak di sebelah negara.

Bagaimanapun, beberapa pihak percaya masih ada peluang di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membina jambatan yang lurus berdasarkan hubungan akrab dengan Singapura.

Kuala Lumpur dan Singapura dilaporkan sedia menimbang untuk menyelesaikan pelbagai isu tertunggak membabitkan kedua-dua negara.

Gerbang Perdana Sdn Bhd, kontraktor bagi projek itu yang membabitkan pembinaan jambatan darat, sebuah jambatan kereta api dan kerja lain yang berkaitan dengan Gerbang Selatan Bersepadu (GSB).

Syed Hamid berkata, perkara paling penting sama ada membabitkan jambatan atau isu tertangguh lain, ialah mencari penyelesaian yang dapat diterima kedua-dua belah pihak.

"Ketika ini di pihak kerajaan belum membentangkan apa-apa (kepada Singapura)," katanya.

Beliau berkata, sebarang cadangan yang diterima kedua-dua pihak, mesti membabitkan perbincangan awal sebelum dikemukakan Abdullah untuk dicari penyelesaian memuaskan kedua-dua pihak.

"Kita belum lagi (memulakan). Kita sedang sempurnakan pandangan dan terpulang kepada Perdana Menteri mencari pendekatan bagi disebut pada Singapura supaya kita dapat mencapai persetujuan," katanya.